



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PERASMIAN PROGRAM KESELAMATAN KEJIRANAN
DAN
JOM RONDA SKIM RONDA SUKARELA (SRS) BERSEPADU
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**19 JULAI 2024 (JUMAAT)
9.30 MALAM
KRT P14H, PRESINT 14, PUTRAJAYA**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan **Program Keselamatan Kejiranan dan Jom Ronda SRS Bersepadu Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya** bagi tahun 2024.
2. Program ini merupakan salah satu program yang amat penting di peringkat komuniti Rukun Tetangga dalam **usaha membantu Kerajaan memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian hidup dalam kawasan kejiranan**. Maka, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk sentiasa menjaga keselamatan dan ketenteraman kawasan kejiranan masing-masing dengan berpegang kepada prinsip **“Keselamatan Komuniti Adalah Tanggungjawab Bersama”**.
3. Ini adalah selaras dengan fungsi dan tugas Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga di bawah **Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012** iaitu ***“mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana”***.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS)

4. Skim Rondaan Sukarela (SRS) telah dilancarkan pada **21 Februari 2004**. Tujuan utama penubuhan Skim Rondaan Sukarela adalah untuk **membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala di komuniti setempat**. Sehingga bulan **Jun 2024** sebanyak **5,409 SRS** telah ditubuhkan di seluruh negara dengan keanggotaan seramai hampir **100,000 orang**.
5. Sehingga kini, sebanyak **56 KRT dan 30 SRS** telah ditubuhkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Walaupun jumlah ini kecil berbanding di negeri-negeri lain, tetapi saya amat menekankan tentang keaktifan dan keberkesanannya dalam komuniti masing-masing.
6. Setelah 20 tahun SRS diwujudkan kini Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah merangka hala tuju baharu iaitu **“Meremajakan SRS”**. Hala tuju baharu ini bertujuan untuk **melonjakkan peranan SRS sebagai entiti yang penting di peringkat komuniti** bagi memastikan kesejahteraan, keselamatan dan ketahanan komuniti.

7. Antara inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan ialah:
- a) Meningkatkan keberkesanan SRS melalui penggunaan **aplikasi teknologi moden** dalam menjalankan tugas kawalan dan rondaan;
 - b) menambahbaik **kualiti peralatan SRS; dan**
 - c) Memupuk **budaya kesukarelawanan** dalam kalangan komuniti melalui aktiviti keselamatan kejiwaan dengan **“Kempen 1 Keluarga 1 Anggota SRS”**.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

**INISIATIF PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI
PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF**

8. Pada 14 Mei 2024 yang lalu, Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melancarkan **Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif**. Peranan RT akan diperkasa sebagai **penggerak utama dan penghubung jalin (*bridge builder*)** penting dalam komuniti melalui peningkatan keupayaan dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik semua pihak bagi merealisasikan aspirasi komuniti progresif.

9. RT Progresif ini dijangka akan memacu kecemerlangan dalam khidmat komuniti dan kerja kemasyarakatan melalui lapan bidang tumpuan yang merangkumi :

- a) **Ekonomi dan Sara Hidup;**
- b) **Keselamatan dan Ketahanan Komuniti;**
- c) **Kepimpinan;**
- d) **Kesejahteraan Komuniti;**
- e) **Pembelajaran Sepanjang Hayat;**
- f) **Alam Sekitar;**
- g) **Warisan dan Budaya; dan**
- h) **Daya Cipta.**

10. Melalui inisiatif pemeraksanaan ini, peranan SRS di bawah bidang tumpuan kedua iaitu **Keselamatan dan Ketahanan Komuniti** turut diperkukuhkan. Tahun ini, Kementerian telah menyediakan peruntukan khas kepada SRS dengan jumlah **RM 3,244,192.00** melalui:

- I. **pembekalan dan penggantian fasiliti keselamatan SRS** dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM 837,500.00** yang akan memberi manfaat kepada 119 buah RT;
- II. **sebanyak RM 2,175,00.00 pembekalan 69 buah kabin SRS baru; dan**
- III. **sebanyak RM 231,692.00 pembaikan kabin sedia ada di 18 kawasan SRS.**

11. Langkah ini bertujuan untuk **meningkatkan keaktifan dan keberkesanan SRS dalam komuniti**. Melalui pemerkasaan SRS ini, Kementerian turut **mensasarkan agar kekerapan aktiviti kawalan dan rondaan SRS dapat dipertingkatkan lagi** termasuk penglibatan golongan muda dalam SRS.
12. Justeru, sebagai penghargaan kepada khidmat bakti yang disumbangkan secara sukarela oleh AJK RT dan anggota SRS, maka kerajaan menyediakan insentif kepada mereka melalui **Skim Insurans Kemalangan Diri Berkelompok** yang akan saya sampaikan pada malam ini.

PENUTUP

13. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan strategik perpaduaan iaitu **PDRM, RELA, AADK, Perbadanan Putrajaya, Bahagian Pengurusan Hartanah, Majlis Perwakilan Penduduk serta Persatuan Penduduk**.
14. Saya yakin dan percaya program seumpama ini akan mampu menjadi *platform* terbaik bagi usaha untuk **mengurangkan kadar jenayah serta merealisasikan konsep Bandar Selamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya**.

Dengan kata-kata itu, saya dengan ini **merasmikan Prrogram Keselamatan Kejiranan dan Jom Ronda SRS Bersepadu Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 2024**.

Sekian, Terima Kasih.